

239 kawasan di Terengganu mungkin dilanda banjir

um 9/1

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

KUALA TERENGGANU 8 Jan. - Sebanyak 239 kawasan yang melibatkan seramai 46,526 penduduk di seluruh Terengganu, dikenal pasti berkemungkinan besar dilanda banjir sekiranya hujan lebat berterusan melanda negeri ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz bagaimanapun memberi jaminan bahawa persediaan menghadapi banjir di Terengganu berada pada tahap yang cukup tinggi kerana bencana alam itu sudah dijangka berlaku di

negeri ini setiap tahun.

"Di Terengganu, banjir ini memang satu perkara yang lumrah setiap tahun mulai Oktober hingga Mac, yang merupakan musim monsun.

"Jadi, persediaan menghadapi banjir di seluruh daerah di Terengganu memang pada tahap yang cukup tinggi dan ia tidak akan menjadi seperti di Johor," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai banjir daripada Pengarah Bahagian Keselamatan Negara (BKM) Terengganu, Zamakhshari Hanipah, di sini hari ini.

Sementara itu jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di Terengganu berkura-

ngan kepada 660 orang sehingga pukul 1 tengah hari ini berbanding 2,202 orang pagi ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Keselamatan Negara Terengganu ketika dihubungi berkata, di Besut sebanyak 810 daripada 937 mangsa telah dibenarkan pulang manakala baki 172 masih berada di pusat pemindahan.

Bagaimanapun di Dungun dan Setiu, keadaan tidak berubah apabila kesemua mangsa banjir di daerah itu, masing-masing seramai 252 orang dan 109 orang masih belum dibenarkan pulang ke rumah.

Beberapa batang jalan juga masih ditutup kepada kenderaan ringan iaitu Jalan Pasir Akar-Keruak (Besut), Jalan Tok Kah-Kampung Papan (Dungun), Jalan Sungai Tong ke Pelong, Jalan Bandar Permaisuri ke Hulu Seladang dan Permaisuri ke Penarik.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Islam Hadhari dan Kebajikan negeri, Datuk Rosol Wahid ketika dihubungi berkata berkata, barangan keperluan seperti makanan, selimut, kain dan tuala untuk semua mangsa banjir telah dihantar ke 88 pangkalan hadapan dan mencukupi bagi menampung keperluan mangsa.

Menurutnya, kesemua pangkalan hadapan itu diuruskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Ini adalah sebahagian daripada usaha kita dalam menghadapi kejadian banjir yang sudah mula berlaku," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rosol berkata, persiapan untuk menghadapi banjir musim ini telah bermula sejak Oktober tahun lalu.

Menurutnya, semua pegawai daerah juga telah diarah mengenal pasti kawasan yang sering dilanda banjir serta merancang dan melaksanakan operasi kempen menghadapi banjir kepada orang ramai.

Menurut beliau, terdapat enam sungai utama yang sering mengalami banjir di musim tengkujuh di Terengganu iaitu Sungai Kemaman, Sungai Dungun, Sungai Marang, Sungai Terengganu, Sungai Setiu dan Sungai Besut dan pemantauan berterusan dilakukan bagi mengelak kejadian tidak diingini.